

>> MyKad palsu dengan gred paling rendah mempunyai kualiti yang sangat teruk

Harian metro
7/12/2016
m15-10-11

EKSKLUSIF

ANTARA pendatang yang ditahan memiliki MyKad palsu.



CIRI-CIRI KESELAMATAN MyKAD


Cetakan pelangi
Memantul cahaya pelangi apabila terkena cahaya

Nombor MyKad turisan laser
Menggelakkan nombor MyKad daripada ditoreh

Perlindungan Anti Salinan
Lambang Multimedia Super Corridor



WARGANEGARA PALSU



880111-14-5111

MOHD AHMAD BIN
MOHD JAMAL
A01 KONDO ABC
JALAN 123/A
KOTA DAMANSARA
47810 PETALING JAYA
SELANGOR

880111-14-5111
WARGANEGARA
ISLAM LELAKI


Corak Guilloche
Corak latar
belakang MyKad

Imej turisan laser
Gambar kedua
pemilik MyKad

Nombor MyKad turisan laser
Menggelakkan
nombor MyKad
daripada ditoreh

Sinaran UV pelbagai warna
Variasi warna
terdapat pada
MyKad tulen

Cip 80kb



880111-14-5111-14-01

Touch
nGO

80K
chip

S/N: 0200802073

■ Sindiket MyKad mampu hasilkan kad pengenalan ciplak serendah RM100

Mohd Hasbi Sidek
mohd.hasbi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Liciknya sindiket pemalsuan MyKad hingga mampu menghasilkan tiga gred kad pengenalan dengan harga antara RM100 hingga RM18,000 sekeping bergantung kualiti.

Sasaran sindiket itu adalah pendatang asing tanpa izin (PATI), terutama dari Filipina kerana wajah rakyat negara itu mirip masyarakat Sabah, selain pendatang dari Indonesia.

Lebih membimbangkan, sindiket yang meniplak dan menghasilkan MyKad palsu itu di-kesan semakin berleluasa dan ini terbukti berdasarkan kekerapan penahanan 'rakyat Malaysia' palsu dalam operasi Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Imigresen sejak dua bulan lalu.

JPN membongkar pelbagai taktik sindiket terbabit, termasuk berupaya menghasilkan MyKad mengikut gred tertentu.

Mendedahkan taktik itu, Ketua Pengarah JPN Mohd Yazid Ramli berkata, maklumat terbabit juga diperoleh berdasarkan risikan dan siasatan pihaknya sebelum ini.

Bagaimanapun, katanya, pihak JPN mampu mengesan MyKad palsu walaupun ia dihasilkan dengan kualiti tertentu melalui kaedah pemerhatian fizikal dan penggunaan alatan berteknologi moden.

"MyKad palsu dengan gred paling rendah mempunyai kualiti yang sangat teruk. Ia mampu diperolehi pada harga antara RM100 hingga RM150 sekeping.

"Kebiasaannya saiz tulisan atau 'font' pada MyKad berkenaan tidak kemas dan gambar pemilik tidak cantik. Malah, keadaan MyKad palsu ini juga sangat teruk kerana cepat rosak selain keadaan cip yang kelihatan timbul," ka-

tanya ketika ditemui wartawan Harian Metro.

Selain itu, terdapat kesan tebuk pada MyKad palsu bagi membolehkan ahli sindiket memasukkan cip pada kad berkenaan.

Beliau berkata, MyKad dengan gred sederhana pula dijual sindiket pada harga antara RM200 hingga RM800 sekeping.

"Kualiti MyKad palsu ini lebih baik berbanding MyKad gred rendah namun tulisannya tidak kemas dan terangnya seperti MyKad dikeluarkan JPN. Selain itu mutu gambar kedua tertera pada MyKad itu tidak bermutu.

"Kedudukan cip pada MyKad palsu ini juga tidak kemas dan mudah berkarat serta boleh dilihat dengan mata kasar. Lapisan atasnya pula lebih mudah teranggal dan tidak mempunyai ciri keselamatan seperti MyKad asli," katanya.

Mohd Yazid berkata, MyKad palsu 'gred tinggi' berharga serendah RM800 hingga mencecah RM18,000 sekeping.

"Grednya lebih baik, namun 'font' digunakan berbeza dengan MyKad asli dan anggota penguat kuasa JPN masih dapat mengesan penipuan dilakukan walaupun kualitinya sangat baik.

"Ada juga kes MyKad palsu yang dibeli pada harga lebih RM2,000. Pernah berlaku kes seorang lelaki warga asing memiliki MyKad palsu dan apabila disoal siasat dia mendakwa memperoleh kad itu dengan harga RM18,000," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mampu mengenal pasti MyKad palsu kerana kad pengenalan asal tidak boleh ditiru sewenang-wenangnya.



Pengimbas biometrik



Pencetak



Pengimbas jalur magnetik



Skrin sesentuh LCD

RM100

>> Harga MyKad palsu gred paling rendah



setempat

11

MARIAN METRO

Kuala Lumpur: Seramai 240 individu ditahan kerana memiliki MyKad palsu sejak awal Januari lalu dengan 95 peratus daripadanya membabitkan warga Filipina.

Siasatan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendapati majoriti individu yang ditahan itu dikesan bekerja di dalam sektor kimpalan dan perkapalan.

Ketua Pengarah JPN Mohd Yazid sekali berkata, seramai 19 lagi individu yang diberkas bekerja sebagai pengawal keselamatan di negara ini.

Menurutnya, masalah 'warganegara' ekspres ini terbahagi kepada dua kategori iaitu memiliki MyKad milik individu lain atau memiliki MyKad yang sememangnya palsu.

"Bagaimanapun sindiket yang

240 ditahan sejak awal Januari

menjadi dalang kepada pemalsuan dokumen penting ini masih terus diburu sehingga kini.

"Kami yakin sindiket MyKad palsu ini didalangi warga asing yang menetap di negara ini. JPN sedang giat mengumpul maklumat bagi memburu sindiket ini. Selain itu, JPN juga sedang menyiasat peralatan yang digunakan sindiket untuk menghasilkan MyKad palsu," katanya.

Selain meningkatkan penguatkuasaan dan melakukan operasi di seluruh negara, JPN juga menggunakan alatan khas untuk memudahkan anggota mengesan MyKad palsu.

"Alat terbaru yang digunakan JPN

adalah IPT300 yang mampu berfungsi mengesan maklumat peribadi pemilik MyKad walaupun cip asal yang terdapat sudah dirosakkan oleh sindiket.

"Melalui alat ini, kami dapat mengesan nombor sijil kelahiran, nombor kad pengenalan lama, nombor kad pengenalan baru, gambar terbaru dan cap jari pemilik MyKad," katanya.

Menurutnya, mengikut peruntukan undang-undang, individu yang memiliki MyKad palsu akan didakwa mengikut Peraturan 25(1)(e) Peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang memperuntukkan hukuman

penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda maksimum RM20,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.


"Kebanyakan warga asing yang berhajat memiliki MyKad palsu ini bertujuan memudahkan mereka mencari pekerjaan di negara ini selain mengelak diberkas pihak berkuasa sekiranya ditahan untuk pemeriksaan," katanya ketika ditemui.

Malah menurutnya, terdapat kes sindiket memalsukan MyKad milik individu lain menyebabkan terdapat dua MyKad dengan nama dan alamat sama.



MOHD Yazid

MESIN PENGIMBAS MYKAD IPT300



Pengimbas bongkar pemilik MyKad tiruan

Kuala Lumpur: Bermati-matian mengaku sebagai warga tempatan selain turut menghafal serta membacakan nombor MyKad palsu dimiliki kepada penguatkuasa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ketika pemeriksaan dilakukan terhadap dirinya.


Malah kefasihannya bertutur dalam bahasa Melayu dialek Sabah sedikit sebanyak mengaburi mata pihak berku-

KES TANGKAPAN, RAMPASAN MYKAD PALSU

6 Ogos 2016

Kuantan: JPN Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Imigresen itu berjaya menahan kira-kira 49 PATI atas pelbagai kesalahan dan 11 daripada mereka menggunakan MyKad palsu manakala empat didapati menggunakan MyKad orang lain dalam operasi di Balok Kuantan, Pahang.

26 Ogos 2016



GRAFIK HARIAN METRO: FAHMY HASHIM

asa.

Bagaimanapun lakonan lelaki berusia 28 tahun itu terbongkar selepas semakan menggunakan pengimbas IPT300 mendapati MyKad berkenaan adalah palsu dalam operasi JPN di Sentul baru-baru ini.

Terdahulu, lelaki yang mendakwa baru saja bekerja sebagai pengawal keselamatan di Lembah Klang berkenaan mengaku berhijrah ke ibu kota dari Sandakan, Sabah.

Ikuti perbualan antara wartawan dengan lelaki berkenaan:

Wartawan: Di mana awak dapat MyKad ini?

Lelaki: Saya beli daripada seorang lelaki di Sandakan. Kawan yang kenalkan saya dengan lelaki ini kerana dia boleh jual kad pengenalan.

Wartawan: Berapa harga awak bayar?

Lelaki: RM1,000 bang.

Wartawan: Mahalnya.

Lelaki: Di kampung saya tiada kerja tetap bang, saya orang susah. Saya masuk ke Malaysia kerana mahu cari kerja.

Wartawan: Kampung di mana?

Lelaki: Zamboanga bang, Filipina.

Wartawan: Macam mana masuk Malaysia?

Lelaki: Saya masuk secara haram melalui Sandakan. Kemudian beli kad pengenalan dari ejen dan datang ke Semenanjung untuk kerja.

Wartawan: Apa kerja awak buat?

Lelaki: Saya kerja security (keselamatan) bang, gaji RM800 sebulan

Wartawan: Tak takut ke guna MyKad palsu?

Lelaki: Mula-mula takut juga bang. Tapi lama sikit sudah ok.

Mykad palsu yang dimiliki lelaki ini menggunakan gambarnya sendiri, namun nama yang digunakan adalah milik penduduk tempatan dan beralamat di Sandakan.

Petaling Jaya: Seorang pengawal keselamatan sekolah yang menipu kononnya berasal dari Sabah sejurus diberkas penguat kuasa JPN akhirnya mengaku datang dari kepulauan Mindanao, Filipina, ketika ditahan dalam operasi JPN di Petaling Jaya.

1 Oktober 2016

Johor: Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan JPN menahan tujuh warga asing berusia 20 hingga 55 tahun kerana memiliki MyKad palsu, dalam operasi di Pasir Gudang dan Masai, Johor.

13 November 2016

Sandakan: Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menahan dua wanita yang disyaki menjadi ejen sindiket pengeluaran MyKad palsu di Sandakan, Sabah. Kedua-dua suspek turut didapati menggunakan MyKad palsu sebagai pengenalan diri mereka.

17 November 2016

Bukit Kayu Hitam: Seorang wanita warga China ditahan Jabatan Imigresen negeri di pos kawalan pemeriksaan keluar masuk Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bukit Kayu Hitam kerana didapati memiliki MyKad palsu.

26 November 2016

Bukit Kayu Hitam: Jabatan Imigresen negeri menahan seorang wanita warga Myanmar yang menggunakan MyKad palsu ketika melalui pemeriksaan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bukit Kayu Hitam.

29 November 2016

Port Dickson: Seramai 10 individu membabitkan lima lelaki dan lima wanita ditahan dalam di Port Dickson, Negeri Sembilan kerana memiliki MyKad milik orang lain dan menggunakan MyKad palsu.